

# Kejuruteraan Perniagaan UMP

prospek usahawan berasaskan kejuruteraan

**P**rogram Kejuruteraan Perniagaan? Mungkin persoalan ini berlegar di dalam minda kebanyakan kita memandangkan apabila menyebut program kejuruteraan, ia lazimnya dikaitkan dengan elektrik, mekanikal atau awam.

Menurut Ketua Program Kejuruteraan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Industri (FIMI), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Lee Khai Loon, mendepani Revolusi IR 4.0, eksekutif yang dilengkapi kemahiran teknikal dan pengetahuan Pengurusan Perniagaan dikatakan antara pekerjaan paling dikehendaki dan menyumbang peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

"Justeru, penawaran program Kejuruteraan Perniagaan di FIM sejak diperkenalkan empat tahun lalu memberi peluang mereka yang berminat dalam kejuruteraan turut mempunyai pengetahuan dalam pengurusan perniagaan dan mencipta kerjaya masa depan," katanya.

Ijazah ini tambahannya, adalah program akademik dwi-ijazah dengan Reutlingen University (HsR), Jerman dan UMP. Pelajar akan melengkapkan tahun pertama dan kedua mereka di UMP dan bagi yang berjaya memenuhi keperluan akademik, mereka berpulang menyumbang pengajian tahun ketiga dan keempat di Reutlingen University.

Kelbihannya, pelajar akan mendapat sarjana muda dari kedua-dua institusi

## TRIVIA

- Sehingga kini seramai lima orang pelajar perintis dari Jerman telah menerima Ijazah mereka pada Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-13 pada 2018.

iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian (UMP) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Operasi dan Logistik Antarabangsa. Mereka juga dapat mempelajari Bahasa Jerman dan menghayati budaya Jerman dan menimba pengalaman dalam industri di Jerman sendiri.

### Graduan berkemahiran pengurusan dan teknikal

Program ini dirancang untuk memberi ruang dan peluang kepada kemunculan graduan yang dilengkapi asas pengetahuan perniagaan dan kejuruteraan kukuh disertai kemahiran pengurusan dan teknikal.

Pelajar akan mendapat pendedahan teknologi terkini Jerman yang diajar tenaga pengajar HsR. Mereka mampu mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan perniagaan dalam menginovasi amalan organisasi.



Dr Lee (dua, kanan) bersama pelajar program Kejuruteraan Perniagaan yang mengikuti program di Fakulti Pengurusan Industri. (WAJIB MASUK)

Selain itu, mereka akan memegang jawatan eksekutif yang memerlukan kepakaran kejuruteraan perniagaan dalam membuat keputusan lebih baik dengan cepat.

Graduan program ini dijangka dapat membantu merealisasikan Perancangan Rancangan Malaysia ke-11 bagi mewujudkan lebih ramai usahawan berasaskan kejuruteraan dan menggalakan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Penawaran program ini juga diharap dapat melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam industri perniagaan dan kejuruteraan di kawasan perindustrian utama wilayah ini termasuklah berdekatan dengan kawasan perindustrian berdekatan kampus seperti di Pekan, Gebeng, Temerloh, Kerteh dan Kemaman.

### Pengiktirafan antarabangsa

Pengiktirafan badan profesional tempatan antarabangsa terhadap subjek dan program yang ditawarkan juga penting dalam menentukan kualiti akademik di UMP.

Terkini, The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT) yang berpangkalan di United Kingdom telah memberi akreditasi terhadap kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan iaitu program dwi ijazah secara usaha sama antara UMP dengan Reutlingen University di Jerman.

